

03/06/2002

Tuntutan Sipadan, Ligitan berpihak kepada Malaysia

Khairul Bahri Basaruddin

MALAYSIA yang mengamalkan dasar musyawarah dan pemuafakatan dengan negara anggota Asean bagi menyelesaikan sebarang masalah yang timbul, patut diteladani oleh negara lain di rantau ini.

Kepemimpinan negara ini mengamalkan dasar terbuka dan bersedia untuk mendengar aduan atau rungutan rakan Asean yang kadangkala tindak-tanduk mereka seperti duri dalam daging.

Malaysia yang bersempadan dengan Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei dan Filipina, sebelum dan selepas mendapat kemerdekaan daripada Britain, tidak terlepas menghadapi pelbagai masalah dengan jirannya, terutama pertikaian tuntutan wilayah pulau yang menjadi milik negara ini.

Filipina sejak Presiden Macapagal menuntut wilayah Borneo Utara yang dikenali sebagai Sabah menjadi sebahagian negara itu. Begitu juga tuntutan ke atas Kepulauan Spratly. Singapura pula menuntut Pulau Batu Putih manakala Indonesia berkehendakkan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan.

Kalau diteliti dan dikaji, kebanyakan pertikaian itu membabitkan tuntutan ke atas wilayah Malaysia dan bukan sebaliknya. Negara ini tidak pernah menimbulkan kekeruhan perhubungan dengan negara jiran. Malah, walaupun diuji dari pelbagai sudut, Malaysia masih menghulurkan tangan untuk mencari jalan penyelesaian.

Pertikaian membabitkan tuntutan Indonesia ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan sudah berlarutan 33 tahun tetapi kita masih kekal dengan semangat setiakawan dan bertolak-ansur dalam semua perkara.

Tuntutan ke atas kedaulatan wilayah Pulau Sipadan dan Ligitan bermula sejak 1969 ketika perbincangan di antara kerajaan Malaysia dan Indonesia bagi menetapkan sempadan di antara kedua-dua negara. Selepas itu, usaha dua hala untuk menyelesaikan pertikaian itu dijalankan pada 1991.

Pulau Sipadan dan Ligitan terletak di laut wilayah Kalimantan dan berhampiran dengan Sabah. Bermula pada detik itulah, Indonesia mengemukakan tuntutan ke atas kedua-dua pulau itu daripada Malaysia.

Beberapa mesyuarat peringkat Menteri Luar dan pegawai diadakan untuk mencari jalan penyelesaian secara politik dan diplomatik tanpa membabitkan pihak ketiga tetapi usaha itu gagal.

Dalam kunjungannya pada 7 Oktober 1996, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berbincang dengan Presiden Suharto untuk menyelesaikan masalah yang kini sudah 32 tahun usianya.

Dr Mahathir dan Suharto bersetuju supaya pertikaian itu dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan Menteri Luar ketika itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan rakan sejawatannya, Ali Alatas, menandatangani persetujuan membawa kes pertikaian itu ke Mahkamah Dunia - organ kehakiman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Belum ada sebuah negara di rantau Asean membawa pertikaian mereka ke ICJ. Malaysia dan Indonesia menjadi negara pertama berbuat demikian kerana kedua-duanya percaya kepada konsep musyawarah dan pemuafakatan.

Indonesia membuat tuntutan itu berdasarkan Konvensyen 1891 yang ditandatangani di antara Belanda dan Britain. Melalui konvensyen itu, Belanda dan Britain menentukan sempadan penguasaan negara masing-masing ke atas Pulau Borneo.

British North Borneo adalah negara naungan terhadap semua wilayah yang telah digugurkan oleh Sepanyol. Britain dan Belanda kemudian meminda dan membuat secara khusus sempadan wilayah penguasaan mereka melalui perjanjian 1915 dan 1928.

Indonesia mendakwa sempadan itu merangkumi garisan 50 batu timur pulau Sebatik, lantas meliputi wilayah Pulau Sipadan Pulau Ligitan yang menggantikan penguasaan Belanda sebelum ini.

Malaysia tidak bersetuju dengan dakwaan dan tuntutan Indonesia kerana pertikaian itu adalah khusus, bergantung kepada maksud dan kesan konvensyen kedua-dua negara penjajah itu.

Kini ICJ menjadi pentas terakhir kedua-dua negara sahabat itu menyelesaikan pertikaian 33 tahun itu buat selama-lamanya. Sebelum itu, ICJ dalam persidangan pada 10 November 1998 mengeluarkan perintah mengikut Perkara 40 dan 48 Statut ICJ dan Perkara 39, 40, 44 dan 46 Kaedah-Kaedah Mahkamah ICJ berhubung permohonan Malaysia dan Indonesia merujuk pertikaian mengenai kedaulatan dan kekuasaan wilayah Pulau Sipadan dan Ligitan kepada mahkamah berkenaan untuk keputusan.

Keputusan itu berbunyi: "Melalui surat bersama bertarikh 30 September 1998 yang difailkan di pejabat Pendaftar ICJ pada 2 November 1998, Menteri Luar Indonesia dan Malaysia memaklumkan kepada pendaftar berhubung perjanjian khas di antara dua negara, yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 31 Mei 1997 dan dikuatkuasakan pada 14 Mei 1998, tarikh pengesahan pertukaran suratcara."

Dalam perjanjian khas itu, kedua-dua negara memohon kepada mahkamah supaya menentukan asas persetujuan, perjanjian dan bukti lain yang dikemukakan oleh Indonesia dan Malaysia, sama ada kedaulatan terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan milik Indonesia atau Malaysia.

Mengikut Perkara 3, perenggan 2, Perjanjian Khas itu menyatakan kedua-dua pihak bersetuju untuk mengemukakan tuntutan bertulis kepada pendaftar pada tempoh yang dipersetujui.

Bagaimanapun, apabila kedua-dua negara sudah bersedia untuk mengemukakan kes masing-masing, Filipina menyatakan keinginannya mendapat kebenaran mencelah perbicaraan kes tuntutan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan tetapi tidak ingin menuntut hak kedua-dua pulau itu. Malaysia dan Indonesia yang terbabit dalam kes itu tertanya-tanya apakah motif negara bekas jajahan Amerika Syarikat itu.

Selepas empat hari perbicaraan di depan 14 hakim tetap dan dua hakim ad-hoc ICJ, tembelang Filipina terdedah apabila negara rakan Asean itu menggunakan pentas Mahkamah Dunia untuk memberitahu masyarakat antarabangsa berhubung tuntutan tidak berasas ke atas Sabah atau Borneo Utara (istilah yang digunakan oleh Filipina).

Filipina berselindung di sebalik peruntukan Perkara 62 Statut ICJ untuk memohon kebenaran dengan alasan keputusan yang akan dibuat oleh ICJ berhubung tuntutan Indonesia ke atas kedua-dua pulau itu mungkin menjejaskan kepentingan undang-undang asasi negara itu.

Bagaimanapun, apabila Filipina mengemukakan permohonan itu di depan hakim ICJ, negara itu bukan saja gagal membuktikan keputusan mahkamah mungkin menjejaskan kepentingan undang-undang asasi Filipina, malah hujah negara itu kosong dan tidak berisi.

Duta Filipina ke Belanda, Eloy R Bello III, dalam kenyataan pembukaannya di ICJ, berkata pihaknya tidak ingin menggunakan masa perbicaraan itu untuk mendapat pengesahan mahkamah membuat tuntutan ke atas Borneo Utara.

Kenyataan pembukaan Bello itu hanya satu kata-kata diplomasi untuk menyedapkan hati perwakilan Malaysia dan Indonesia dalam perbicaraan itu kerana jika dikaji secara terperinci, hujah peguambela Prof Michael Reisman dan Setiausaha Rendah Perhubungan Luar Filipina, Merlin M Magallona, tertumpu kepada tuntutan negara itu ke atas Borneo Utara.

Malah, mereka secara terang-terangan mendakwa Borneo Utara adalah hak Filipina sejak Kesultanan Sulu menyerahkan kedaulatan wilayahnya kepada negara itu pada 1962.

Apapun alasan yang diberikan Filipina, kini sudah jelas negara itu ingin

memberitahu dunia bahawa Sabah adalah hak negara itu dan perlu dikembalikan kepada mereka dengan apa cara pun.

Bagaimanapun, langkah Filipina yang dianggap sebagai "pengacau" bukan saja tidak dilayan oleh ICJ, malah kesannya satu tamparan yang sukar diterima oleh negara bekas jajahan Sepanyol itu kerana strategi untuk memberitahu dunia tuntutan ke atas Sabah semakin pudar.

Filipina perlu mematuhi keputusan itu kerana jika enggan berbuat demikian, perkara itu boleh dirujuk kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk tindakan susulan.

Presiden ICJ, Gilbert Guillaume, yang mempengerusikan perbicaraan membabitkan 13 hakim ICJ dan dua hakim ad-hoc yang mewakili kepentingan Malaysia serta Indonesia, mendapati Filipina gagal membuktikan ia mempunyai kepentingan jelas dalam kes itu.

Guillaume berkata, Filipina juga gagal mengemukakan bukti kepentingan hak undang-undang negara itu akan terjejas mengikut tafsiran Perkara 41 Kaedah-Kaedah Mahkamah.

Kini, sama-samalah menyerahkan kepada ICJ yang mempunyai dua peranan, iaitu bagi menyelesaikan pertikaian undang-undang yang dikemukakan oleh negara mengikut undang-undang antarabangsa dan untuk memberi pendapat nasihat terhadap persoalan undang-undang yang dirujuk oleh badan dan agensi antarabangsa yang diiktiraf.

Mahkamah ini dianggotai 15 hakim dipilih untuk tempoh sembilan penggal oleh Perhimpunan Agung dan Majlis Keselamatan PBB dan mereka menjalankan tugas secara bebas.

Keanggotaan hakim itu mewakili satu kewarganegaraan dan pemilihan diadakan setiap tiga tahun untuk satu pertiga bagi kerusi anggota hakim dan hakim yang sudah bersara boleh dipilih semula. Panel hakim itu tidak mewakili kerajaan masing-masing tetapi sebagai hakim bebas.

Setiap hakim perlu memiliki kelayakan yang ditetapkan oleh negara masing-masing dalam pelantikan pegawai tertinggi kehakiman atau menjadi pakar undang-undang yang diiktiraf berkelayakan mengenai undang-undang.

Komposisi hakim itu juga bagi mencerminkan bentuk utama ketamadunan dan sistem penting undang-undang dunia. Apabila mahkamah tidak memasukkan hakim daripada negara yang mempunyai kepentingan dalam kes yang dirujuk kepada mahkamah itu, negara itu boleh melantik seorang sebagai hakim secara sementara bagi tujuan kes itu saja.

Komposisi hakim ICJ adalah seperti berikut: Presiden, Guillaume (Perancis), Naib-Presiden, Shi Jiuyong (China), Hakim, Shigeru Oda (Jepun); Raymond Ranjeva (Madagascar); Geza Herczegh (Hungary); Carl-August Fleischhauer (Jerman); Abdul G Koroma (Sierra Leone); Vladlen S Vereshchetin (Persekutuan Russia); Rosalyn Higgins United Kingdom); Gonzalo Parra-Aranguren (Venezuela); Pieter H Kooijmans (Belanda) dan Nabil Elaraby (Mesir).

Jadi, perbicaraan yang bermula hari ini akan menjadi titik tolak pemilikan Malaysia ke atas kedua-dua pulau itu. Keputusan mahkamah adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.

Jika salah satu negara ingkar mematuhi keputusan, negara sebuah lagi boleh mengadu kepada Majlis Keselamatan PBB.

Mahkamah menjalankan tugasnya sebagai mahkamah penuh tetapi atas permintaan pihak-pihak, ia boleh menubuhkan bilik mahkamah khas.

Kita menyerahkan kepada kebijaksanaan delegasi Malaysia yang diketuai Duta Khas, Tan Sri Abdul Kadir Mohamed, yang bertindak sebagai Ejen Malaysia dan dibantu Ejen Bersama, Duta Malaysia ke Belanda, Datuk Noor Faridah Ariffin.

Berdasarkan fakta dan dokumen yang ada pada negara ini, kita percaya Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kekal menjadi milik Malaysia selamanya.

(END)